

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 MAY 2016

Pertahan semangat kecintaan, kesetiaan

BH- 11/5/2016

➔ Najib ajak Melayu selami roh sebenar perjuangan parti

Oleh Veena Rusli dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Genap tujuh dekad lahirnya UMNO di tangga Istana Besar Johor Bahru, Datuk Seri Najib Razak mengajak seluruh ahli parti terbesar orang Melayu itu menyelami roh sebenar perjuangannya sebagai asas untuk setia sepanjang hayat.

Presiden UMNO itu berkata, atas semangat kecintaan dan kesetiaan terhadap perjuangan parti, ahli perlu mempertahankan pegangan lahir, membesar, dewasa dan menghembuskan nafas terakhir bersama UMNO.

"Saya lihat ahli UMNO ada kecenderungan asas, iaitu kita cinta pada parti dan kita utamakan perpaduan. Bila ada krisis lebih besar daripada parti, kita bertaut semula.

"Pengasas kita, Datuk Onn (Jaafar) keluar parti pada 1951 tetapi tidak menjejaskan UMNO. Kita diharamkan tetapi kita dapat tubuh-

kan semula. Kita dapat tentukan kelangsungan kuasa. Kita ada cinta dan setia pada perjuangan parti, maka itu sebabnya saya nak tekankan dalam menyambut ulang tahun ini, kita lahir dalam UMNO, kita besar dalam UMNO, kita dewasa dalam UMNO, kita mati dalam UMNO," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam rancangan Temu Bual Eksklusif Bersama Perdana Menteri yang dihoskan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar sempena sambutan Ulang Tahun Ke-70 UMNO yang disiarkan secara langsung oleh TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM), malam tadi.

Ahli parti fahami signifikan

Najib berkata, ahli parti memahami signifikan di sebalik perhimpuan orang Melayu pada 11 Mei 1946 yang membawa kepada peneubuhan UMNO.

"Fahami mengapa peristiwa itu berlaku, baru kita dapat menghayati roh UMNO dan mendorong kita ke depan untuk sanggup berkorban.

"Itu asas untuk kita setia sepanjang hayat kepada UMNO," katanya.

Rasa sayang terhadap parti, kata Najib, boleh menghalang ahli daripada melakukan sesuatu yang buruk atau mengkhianati perjuangan UMNO.

Beliau turut mengakui tidak pernah terlintas untuk meninggalkan parti walaupun dalam saat berdepan kekecewaan.

"Ingin saya nyatakan, jika saya ada masalah dengan pengganti saya, saya tidak akan keluar daripada UMNO kerana saya tahu makna dan jasa UMNO pada diri saya dan semua.

Proses pengislahan

"UMNO mesti berubah dan proses pengislahan dalaman perlu dilakukan supaya kita menjadi parti relevan dengan apa yang dikatakan sebagai politik baharu.

"Waktu UMNO lahir, malah pada era 1980-an, 1990-an tidak sama dengan persekitaran hari ini. Kita kena sesuaikan UMNO dari segi pendekatan dasar, metodologi tetapi asas dan matlamatnya tidak berubah, hanya pendekatan," katanya.

Dalam usaha adaptasi itu, Najib berkata, UMNO perlu cekap menangani 'kebingitan' yang disuara-

kan pelbagai pihak, terutama pembangkang menerusi media sosial.

Sebagai parti kerajaan yang bertanggungjawab, katanya, UMNO perlu berfikir sebelum berjanji kepada rakyat tetapi konsep sama tidak terpakai dalam kalangan pembangkang kerana mereka tidak perlu membuktikan kemampuan melakukan sesuatu.

Sehubungan itu, Najib mengharapkan rakyat dan ahli UMNO khususnya, memahami mainan media sosial pihak tertentu.

"Rakyat dan ahli UMNO perlu lebih menyelami isi hati saya sebagai seorang pemimpin. Mereka perlu faham apa yang telah saya lakukan dan apa yang saya hadapi sepanjang menjadi Perdana Menteri.

"Dalam surah Al-Hujurat, Allah mahu kita siasat dulu sebelum membuat keputusan tetapi masyarakat kita mudah menerima tanpa siasat sama ada kebatilan atau separuh tidak benar.

"Kita perlu pandai membuat penilaian dan dalam era globalisasi, kemampuan kita untuk berfikir secara mendalam dan matang perlu ditingkatkan," katanya.

Fakta
nombor

3.4 JUTA

Jumlah ahli UMNO seluruh negara